



Pelengkap jaringan rel

■ Jajaran MRT Stesen Sungai Buloh-Semantan operasi esok

Asrizal Aris

asrizal.aris@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) adalah pembinaan jaringan pengangkutan awam berasaskan rel yang berintegrasi dengan sistem transit aliran ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit.

Jajaran pertama yang dilaksanakan untuk projek MRT Lembah Klang ini adalah jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) dengan jarak 51 kilometer (km).

Jajaran ini bermula dari Sungai Buloh di barat laut Kuala Lumpur yang akan melalui pusat bandar raya dan berakhir di Kajang sebuah bandar yang pesat membangun di tenggara Kuala Lumpur.

Sepanjang 9.5km jajaran ini akan dibina bawah tanah dan terdapat 31 stesen di sepanjang stesen ini yang mana tujuh daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Fasa pertama jajaran MRT SBK bermula dari Stesen Sungai Buloh hingga Stesen Semantan yang akan beroperasi esok.

Sementara itu, fasa kedua dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan beroperasi

LALUAN Jasa satu MRT dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Kajang.

pada Julai 2017 dan ini akan membolehkan tren beroperasi di seluruh jajaran.

Dengan adanya MRT di

Lembah Klang, sasaran untuk menjadikan 50 peratus daripada semua perjalanan yang dilakukan di kawasan

Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang dengan menggunakan pengangkutan awam akan dapat dicapai.



TREN

- Terdapat 58 tren akan beroperasi untuk Laluan MRT SBK membabitkan 31 stesen.
- Kekerapan sebuah tren setiap 3.5 minit ketika waktu puncak.
- Tren tidak mempunyai pemandu terdiri daripada empat gerabak dengan kapasiti penumpang sebanyak 1,200 orang.
- Tren mesra orang kurang upaya (OKU) dan mempunyai ruang khas untuk kerusi roda.
- Jumlah penumpang dijangka mencecah kira-kira 400,000 orang setiap hari.

SPESIFIKASI TREN

Buatan:
SIEMENS

Reka bentuk:
BMW DESIGNWORKS USA

Kapasiti:
300 penumpang
setiap gerabak

Kelajuan maksimum:
100km/sejam

Kelajuan purata:
70km/sejam

Frekuensi tren (2016):
3.5 minit
atau 17 tren setiap sejam

Masa perjalanan:
30 minit dari Sungai Buloh
atau Kajang ke KL Sentral

Waktu Operasi:
6 pagi hingga 12 tengah malam

Kuala Lumpur: Warga kota dan penduduk di sekitar Lembah Klang menjangkakan projek MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK) bakal menjadi tumpuan dan mampu mengubah cara hidup mereka menggunakan pengangkutan awam sebagai pengangkutan utama ke tempat kerja.

Tinjauan Harian Metro mendapati masyarakat menerima baik pembangunan kemudahan dan perkhidmatan itu serta menganggap ia sebagai usaha mengelakkan kesesakan lalu lintas jika berkenderaan.

Ahli perniagaan, Ng Cheow Kwang, 40, berkata, sekiranya perkhidmatan MRT Lembah Klang tidak mempunyai masalah seperti tergendala, kerap berlaku perubahan jadual atau masalah kelewatan, ia akan menjadi pilihan utama masyarakat.

“Meskipun ia mungkin tidak mengajak masyarakat menaiki tren secara sepenuhnya, tetapi ia mendidik sedikit demi sedikit mereka yang tidak bekerja atau keluar membeli-belah untuk menaiki MRT.

“Secara tidak langsung, jika perkhidmatannya tiada

Pemboleh ubah dorong guna pengangkutan awam



“
Saya pasti pekerja waktu pejabat juga akan memilih MRT”

Ng Cheow Kwang

masalah dan berhasil memuaskan hati penduduk kawasan, saya pasti pekerja waktu pejabat juga akan memilih MRT,” katanya ketika ditemui di Stesen Kereta Api Sungai Buloh, semalam.

Pelajar Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur, Nur Hafizah Ahmad Hanipah, 20, berkata, pembinaan MRT Lembah Klang se-



“
Kami berharap perkhidmatan ini akan mengikut masa penjadualan ditetapkan”

Nur Hafizah Ahmad Hanipah

kaligus menambah mudah lagi rakyat negara ini yang tidak berkenderaan terutamanya pelajar.

“Jika MRT menjadi pilihan, seperti yang dijangkakan, ia adalah satu usaha untuk mengelakkan kesesakan di bandar raya. Namun, kami berharap perkhidmatan ini akan mengikut masa penjadualan yang ditetapkan.

“Seperti yang kita sedia

Harian Metro
15/12/16
ms 22



“
Saya sebagai pengguna pengangkutan awam tidak sabar menanti kemunculan MRT”

Zulkifli Abdul Karim

maklum, pengurusan masa kebanyakan pengangkutan awam kereta api ini bermasalah dan saya sebagai pengguna pengangkutan awam tidak sabar menanti kemunculan MRT,” katanya.

Pemandu teksi, Zulkifli Abdul Karim, 61, berkata, MRT sudah pasti menjadi tumpuan penduduk di 31 kawasan yang dijadikan sebagai stesen perhentian.



“
Jika ia benar, sekaligus memudahkan perjalanan ke tempat kerja serta jimatkan wang dan masa”

Muhammad Aliff Irfan Rahim

“Persaingan pengangkutan awam juga semakin sengit apabila beberapa stesen turut menyediakan bas kitaran percuma, namun ia tidak menjejaskan perkhidmatan teksi kerana hanya beberapa kawasan yang terbabit.

“Tetapi kita masih belum tahu lagi apa yang bakal berlaku, sekiranya ia berfungsi dengan baik, ramai yang akan memilih pengangkutan

awam itu meskipun untuk jarak dekat,” katanya.

Pelancong dalam negara, Muhammad Aliff Irfan Rahim, 18, berkata, perkhidmatan MRT yang diharapkan pembabit 50 peratus penduduk di Lembah Klang bakal menjadi platform untuk mengurangkan kesesakan jalanraya.

“Saya difahamkan, tren MRT ini mampu memudahkan 10 juta penduduk Kuala Lumpur dan jika ia benar, sekaligus memudahkan perjalanan ke tempat kerja warga kota serta menjimatkan wang dan masa.

“Jika perkhidmatan ini lebih efisien daripada transit aliran ringan (LRT), ia tidak memerlukan banyak masa untuk menarik ramai pengguna,” katanya ketika ditemui di KL Sentral, semalam.

Menurutnya yang berasal dari Bachok Kelantan, cara hidup bandar akan berubah untuk memilih menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja sekiranya kemudahan pengangkutan itu menepati dengan citarasa penduduk kota.